

21 JAN 2004

China-Hubungan/I

PEMIMPIN BARU MALAYSIA DAN CHINA JALIN HUBUNGAN PERIBADI

Oleh: Santha Oorjitham

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- Para pemimpin Malaysia dan China telah menyerahkan kepimpinan negara kepada pengganti masing-masing tahun lepas.

Dan pemimpin-pemimpin baru kedua-dua buah negara sudahpun menjalin hubungan peribadi antara satu dengan lain.

"Peralihan kuasa di kedua-dua negara berlangsung dengan baik," kata Duta China ke Malaysia, Hu Zhengyue kepada Bernama dalam satu temubual di sini.

Beliau berkata hubungan dua hala antara pemimpin-pemimpin baru semasa peralihan kuasa itu juga "amat lancar dan begitu bermakna."

Hu berkata para pemimpin Malaysia menjalin hubungan yang begitu konsisten dengan China sejak mula lagi.

"Tun Dr Mahathir (Mohamad) memimpin Malaysia selama 22 tahun dan memberi sumbangan yang amat besar ke arah ini," katanya.

Sebelum mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Dr Mahathir pada 31 Okt, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melawat China tahun lepas dan beliau dijangka melakukan lawatan ke republik itu lagi tahun ini, dengan pemimpin China pula melakukan kunjungan balas.

Pada 11 Jan, semasa majlis memeterai Perjanjian mengenai Kerjasama Kebudayaan antara Malaysia dan China, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak "menyuarakan sumbangan peribadinya ke arah hubungan dua hala dalam lingkungan rangka kerja dasar luar Datuk Seri Abdullah," katanya.

Hu berkata bapa Najib, Tun Abdul Razak Hussein, merupakan antara pemimpin pertama yang melawat China dan di bawah kepimpinannya, Malaysia menjadi negara ASEAN pertama yang mewujudkan hubungan diplomatik dengan China pada 1974.

Katanya Najib memberikan keutamaan terhadap pewujudan hubungan diplomatik dengan China oleh bapanya.

"Kami tertarik hati apabila mengetahui bahawa beliau telah melawat kesemua bandaraya di China yang telah dilawati bapanya," kata Hu.

Najib memulakan kerjasama pendidikan dengan China pada 1996, semasa beliau menjadi Menteri Pendidikan dengan menandatangani Memorandum Persefahaman dengan rakan sejawatannya.

Hari ini, terdapat lebih 10,000 pelajar dari China di institusi pengajian tinggi di Malaysia manakala lebih 1,000 pelajar Malaysia pula mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi di republik berkenaan.

Selaku Menteri Pertahanan pula, Hu berkata Najib turut memulakan pertukaran antara Kementerian Pertahanan kedua-dua negara dan "bersahabat dengan banyak Jeneral dari China."

Delegasi pertahanan dan kapal-kapal perang dari kedua-dua negara saling melakukan kunjungan setiap tahun.

China menghadiri Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA) setiap tahun.

China juga bekerjasama rapat dengan Malaysia dalam peperangan menentang keganasan, kata Hu.

"Kami juga sedia membincangkan gerakan secara bersama dalam operasi mencari dan menyelamatkan," kata beliau lagi.

Hu berkata 2004 merupakan tahun yang "amat mesra" bagi hubungan dua hala dengan kedua-dua negara menyambut ulangtahun ke-30 hubungan diplomatik. Ia juga merupakan Tahun Persahabatan Malaysia-China dan ulangtahun ke-600 hubungan secara rasmi yang pertama antara China dan Malaysia menerusi lawatan Laksamana Zheng He (Cheng Ho).

Pelbagai acara disusun bagi sambutan kedua-dua ulangtahun ini termasuk Festival Kebudayaan China serta pameran Sains dan Teknologi China di Malaysia, Minggu Malaysia di China, simposium akademik berkaitan hubungan dua hala dan inovasi teknologi dua hala serta lawatan kakitangan kerajaan di peringkat tinggi dan golongan usahawan.

-- BERNAMA

SOM AZZ ROS